

**JOURNAL OF TOURISM, HOSPITALITY  
AND ENVIRONMENT MANAGEMENT  
(JTHEM)**  
[www.jthem.com](http://www.jthem.com)



**PROSEDUR DAN KEBERKESANAN AGIHAN BANTUAN  
KEPADА KOMUNITI TEMPATAN DALAM TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SEMASA  
PANDEMIK COVID-19**

*PROCEDURE AND EFFECTIVENESS OF AID DISTRIBUTION TO LOCAL  
COMMUNITIES DURING MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) AMIDST  
COVID -19 PANDEMIC*

Mohammad Ashraf Sarakawi<sup>1\*</sup>, Nurhatizah Jaroman<sup>2</sup>, Asfarina Madjais<sup>3</sup>, Jabil Mapjabil<sup>4\*</sup>  
& Datu Razali Datu Eranza<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah  
Email: acap1898@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah  
Email: nurhatizah98@gmail.com

<sup>3</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah  
Email: asfarinamadjais@gmail.com

<sup>4</sup> Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah  
Email: jabil@ums.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah  
Email: drde@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 28.05.2021

Revised date: 21.06.2021

Accepted date: 27.06.2021

Published date: 30.06.2021

**To cite this document:**

Sarakawi, M. A., Jaroman, N., Madjais, A., Mapjabil, J., Eranza, D. R. D. (2021). Prosedur Dan Keberkesanan Agihan Bantuan Kepada Komuniti Tempatan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Semasa Pandemik

**Abstrak:**

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia yang bermula pada 18 Mac 2020 kesan penularan pandemik COVID-19 memberikan implikasi yang mendalamterutamanya komuniti tempatan di negeri Sabah. Pelaksanaan PKP adalah suatu pengalaman yang baharu dalam kalangan penduduk di negara ini. Justeru, pelbagai usaha dilaksanakan untuk meringankan beban rakyat kesan pandemik dan pelaksanaan PKP tersebut, antaranya pelbagai bantuan kepada komuniti tempatan. Persoalannya, sejauh manakah prosedur dan keberkesanan agihan bantuan kepada komuniti dalam tempoh perintah kawalan pergerakan tersebut? Untuk itu, kajian ini meneliti isu prosedur dan keberkesanan agihan ini dengan merujuk kepada kajian kes kampung terpilih di daerah Kunak dan Lahad Datu, Sabah. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah eksplorasi dan evaluatif. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik dan pemerhatian di kawasan kajian. Sampel kajian adalah seramai 105 orang yang

COVID-19. Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management, 6 (23), 104-116.

**DOI:** 10.35631/JTHEM.623011.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



dipilih secara rawak. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga prosedur pengurusan agihan bantuan yang digunakan iaitu pengurusan melalui akaun bank (berkaitan kewangan), pengurusan melalui penghantaran darirumah ke rumah dan pengurusan melalui penerimaan di pusat bantuan berdekatan. Majoriti responden menyatakan bahawa prosedur pengurusan agihan bantuan adalah melalui penghantaran dari rumah ke rumah, iaitu seramai 100 orang atau bersamaan 75.2%. Selain itu, hasil kajian turut mendapati majoriti responden iaitu seramai 70 orang responden (66.7%) menyatakan bahawa prosedur pengurusan agihan bantuan adalah ‘berkesan’, 27.6% berpendapat ‘sangat berkesan’ dan selebihnya menyatakan ‘kurang berkesan’, iaitu 5.7%. Untuk itu, hasil kajian ini adalah penting untuk dokumentasi dan rujukan literatur berkaitan isu pandemik dan komuniti serta bermanfaat untuk pihak berwajib dalam menambah baik keberkesanan prosedur agihan bantuan kepada komuniti tempatan pada masa hadapan.

#### Kata Kunci:

Prosedur, Keberkesanan, Penduduk Tempatan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Pandemik COVID-19

#### Abstract:

The implementation of the Movement Control Order (MCO) in Malaysia which began on 18 March 2020 after the COVID-19 pandemic has profound implications especially to the local community in Sabah. The implementation of MCO is a new experience among the people in the country. Various efforts were made to alleviate the burden of the people as a result of the pandemic and the implementation of the PKP, including various assistance to the local community. The question is, to what extent is the procedure and effectiveness of aid distribution to the community during the period of the movement control order? Therefore, this study examines the related issue at few selected villages in the districts of Kunak and Lahad Datu, Sabah. The approach used in the study is exploratory and evaluative. This study uses a quantitative method through the distribution of questionnaires and observation in the study area. The study sample was a total of 105 people who were randomly selected. The result showed that there were three aid distribution arrangement procedures used: distribution arrangement through bank accounts (financial related), distribution arrangement through door-to-door delivery, and distribution arrangement through receipt at nearby aid centres. The majority of respondents stated that the aid distribution arrangement procedure of aid distribution which through door-to-door delivery, is 100 people or the equivalent of 75.2%. In addition, the results of the study also found that the majority of respondents, namely 70 respondents (66.7%) stated that the aid distribution arrangement procedure is ‘effective’, 27.6% thought as ‘very effective’ and the rest stated as ‘less effective’, that is about 5.7%. Therefore, the results of the study are important for documentation and literature reference related to pandemic and community issues as well as beneficial to the authorities to improve the effectiveness of aid distribution procedures to local communities in the future.

#### Keywords:

Procedure, Effectiveness, Local Community, Movement Control Order (MCO), COVID-19 Pandemic

## Pengenalan

Pada penghujung tahun 2019, sejenis virus iaitu Novel coronavirus SARS-CoV-2 telah menyebabkan penularan wabak baharu yang dikenali sebagai coronavirus disease-2019 (dan kemudiannya dikenali sebagai COVID-19) yang kini merebak secara pesat di seluruh dunia. Pada 11 Mac 2020, wabak COVID-19 telah diisyiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pandemik. Penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia telah menjelaskan kesejahteraan penduduk sama ada dari aspek kesihatan, ekonomi maupun sosial (Jabil et al., 2020). Peningkatan kes penularan COVID-19 di negara ini menyebabkan pihak kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi tujuan untuk memutuskan rantaian wabak tersebut. Perintah kawalan pergerakan ini membabitkan larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sosial dan budaya. Sehubungan dengan itu, penutupan sektor ekonomi telah menyebabkan ramai penduduk negara ini kehilangan pekerjaan atau terpaksa berhat sekutik dengan duduk di rumah sepanjang tempoh PKP berkenaan.

Untuk meringankan beban rakyat dalam menghadapi pandemik COVID-19 dan sepanjang pelaksanaan PKP, pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa insentif dana, iaitu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara, atau ringkasnya PENJANA. Dalam konteks bantuan untuk masyarakat keseluruhannya, Bantuan Prihatin Nasional (BPN) disediakan oleh kerajaan dalam salah satu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang diberikan secara *one-off* kepada golongan B40 dan M40 (Astro Awani, 2020). Bantuan Prihatin Nasional ini merupakan satu langkah kerajaan untuk memastikan semua golongan di Malaysia mendapat bantuan yang setara untuk meringankan beban semasa tempoh berkurung di rumah. Selain daripada pihak kerajaan, pelbagai agensi lain seperti pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan orang perseorangan (persendirian) turun memberi bantuan kepada rakyat yang terjejas di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, prosedur dalam pengurusan bantuan kepada penduduk adalah konsep utama dalam artikel ini. Penilaian terhadap prosedur pengurusan bantuan adalah satu konsep bantuan rakyat yang dilaksanakan bagi membantu golongan yang memerlukan (Ahmad Nazrul, 2019). Menurut Ahmad Nazrul (2019), pelaksanaan prosedur bantuan rakyat ini, pada umumnya, lebih berfokuskan kepada bantuan tanah perumahan, bantuan pendidikan, bantuan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah, bantuan sosial, pembasmian pendapatan rendah dan sebagainya. Namun begitu, pemberian bantuan dalam konteks semasa pelaksanaan PKP ini sering dipersoalkan oleh sesetengah pihak terutamanya keberkesanan dalam prosedur mengurus agihan bantuan. Untuk itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau prosedur dan keberkesanan agihan bantuan kepada komuniti tempatan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19 dengan merujuk kepada kajian kes kampung terpilih di daerah Kunak - Lahad Datu, Sabah.

## Permasalahan Kajian

Sepanjang penularan pandemik COVID-19 sejak awal tahun 2020 sehingga kini, ia memberi impak yang besar dan mendalam terhadap aspek ekonomi dunia termasuk Malaysia. Pelaksanaan PKP dalam tempoh yang agak panjang bukan sahaja memperlambangkan pembangunan ekonomi negara, malah turut menjelaskan ekonomi penduduk setempat. Operasi sektor ekonomi terjejas dan faktor utama yang telah menerima tekanan serius ini adalah pasaran buruh berbanding faktor pengeluaran yang lain (Kasim, 2020). Pelaksanaan PKP menyebabkan ramai rakyat Sabah yang kehilangan pendapatan disebabkan oleh pemberhentian kerja oleh

sektor masing-masing kerana tidak dapat menampung pembayaran upah buruh. Terdapat sesetengah penduduk yang terpaksa bekerja tanpa gaji atau menerima separuh daripada gaji asal untuk mengurangkan kerugian pihak majikan. Justeru, keluhan dan bimbang disebabkan tidak dapat bekerja untuk menampung perbelanjaan keluarga dan hanya menunggu bantuan sampai, tanpa harus keluar dari rumah menjadi satu isu yang perlu diambil perhatian sewajarnya.

Sehubungan dengan itu, bantuan yang diberikan oleh pelbagai pihak terutamanya bahan makanan didapati sedikit sebanyak dapat membantu mereka yang terjejas untuk meneruskan kelangsungan hidup bersama keluarga. Meskipun pihak kerajaan dan pelbagai pihak lain banyak menghulurkan bantuan kepada rakyat terutamanya di Sabah, namun, persoalannya adakah prosedur dalam agihan bantuan kepada komuniti tempatan dalam tempoh PKP semasa penularan pandemik COVID-19 ini betul-betul berkesan? Ini turut membantu untuk meneroka sejauh mana jaminan pihak kerajaan agar mampu mengagihkan bantuan secara adil serta menyeluruh kepada penduduk yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 khususnya di Sabah (Noorazura, 2020). Atas permasalahan inilah kajian tentang prosedur dan keberkesaan agihan bantuan kepada komuniti tempatan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19 ini dikaji.

### Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian tadi, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Untuk meneliti prosedur pengurusan agihan bantuan kepada penduduk tempatan sepanjang tempoh PKP bagi kampung terpilih di Kunak-Lahad Datu, Sabah.
- 2) Untuk menilai keberkesaan pengurusan bantuan kepada penduduk tempatan sepanjang tempoh PKP bagi kampung terpilih di Kunak-Lahad Datu, Sabah.

### Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian sama ada dalam bentuk teoritikal dan konseptual mahupun kajian kes tentang isu COVID-19 di Malaysia dan antarabangsa. Dito Aditia et al. (2020) membahaskan tentang isu COVID-19 yang berkaitan dengan kesan pandemik berkenaan terhadap ekonomi negara Indonesia yang mencapai tahap yang kritikal. Kejatuhan dalam sektor ekonomi, sosial, politik serta pendidikan didapati sangat membimbangkan. Salah satu aktiviti ekonomi yang berisiko tinggi adalah pasar yang dianggap lokasi kes positif COVID-19 yang tertinggi. Untuk itu, kawasan pasar menjadi salah satu lokasi zon merah.

Seterusnya, Sri Maryanti et al. (2020) meneliti tentang cara atau kaedah untuk mencegah daripada menularnya COVID-19 di kawasan zon merah iaitu NTB. Pelbagai langkah telah dilakukan untuk mengawal aktiviti ekonomi dan menjaga kebijakan masyarakat samping mewujudkan kegiatan ekonomi di kawasan daerah tersasar (zon merah). Ringkasnya, rakyat Indonesia sangat terkesan dari segi ekonomi akibat pandemik COVID-19 yang menular di negara tersebut. Marianus et al. (2020) pula meneliti tentang bantuan sosial dan pendidikan kesihatan kepada penduduk yang terkesan oleh penularan pandemik COVID-19. Bantuan ini dilakukan kerana ramai penduduk yang tidak dapat melakukan aktiviti harian seperti biasa terutamanya bekerja untuk menjana pendapatan keperluan keluarga. Apatah lagi, sektor ekonomi di Indonesia khususnya mengalami kejatuhan yang teruk, selain sektor sosial, pendidikan serta politik.

Muhammad Firdaus et al. (2020) pula membahaskan tentang pandemik COVID-19 yang memberi kesan mendalam kepada penduduk di seluruh dunia dari aspek kesihatan, ekonomi dan sosial. Kesan peningkatan kes positif COVID-19 di Malaysia, perintah kawalan pergerakan (PKP) telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020 yang bertujuan untuk mengawal dan menghentikan penularan COVID-19. Namun demikian, pelaksanaan PKP telah membawa kesan negatif terhadap ekonomi penduduk khususnya bagi pekerja sendiri dan pekerja swasta. Kajian ini meneliti tentang peranan wakaf dalam mendepani pandemik COVID-19 bagi membantu kerajaan dan seterusnya mencadangkan kaedah pelaksanaan wakaf terhadap penerima.


Umi Hamidaton et al. (2020) meneliti tentang peranan filantropi yang perlu diterapkan dalam diri seseorang untuk menimbulkan perasaan simpati ataupun prihatin terhadap orang yang menghadapi kesusahan. Selain itu, amalan filantropi diterapkan dalam diri seseorang individu agar wujud perasaan sayang dan cinta terhadap perasaan suka membantu orang yang memerlukan agar semua masyarakat dapat merasai sendiri perasaan ketika membantu mereka yang dalam kesusahan terutamanya dalam tempoh pelaksanaan PKP kesan penularan pandemik COVID-19 di negara ini. Oleh itu, sifat filantropi perlu diterapkan agar berlaku pengurangan terhadap masalah sosioekonomi penduduk, masalah kesihatan mental dan masalah pengangguran.

### **Metodologi Kajian**


Metodologi kajian merupakan cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai matlamat dan objektif dengan lebih sistematik. Kajian ini menggunakan pendekatan eksplorasi dan evaluatif. Memandangkan isu kajian tentang pandemik COVID-19 dalam bidang sosial masih baharu, maka kajian ini adalah suatu usaha untuk meneroka tentang kaedah prosedur agihan bantuan kepada komuniti tempatan dalam tempoh PKP semasa penularan pandemik COVID-19 di lokasi kajian. Selain itu, kajian ini turut ingin membuat penilaian atau evaluasi terhadap sejauh mana agihan bantuan yang dilaksanakan adalah berkesan. Untuk itu, kaedah yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan pemerhatian. Kaedah pemilihan sampel adalah secara rawak mudah. Kajian ini melibatkan seramai 105 orang responden. Menurut Chua (2011), pendekatan kuantitatif adalah penyelidikan yang menekankan fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data.

### **Kawasan Kajian**

Kawasan kajian ini melibatkan dua lokasi iaitu daerah Kunak dan Lahad Datu yang terletak di pantai timur Sabah. Rajah 1 menunjukkan kawasan daerah Kunak yang meliputi 438 batu persegi atau 1,334km<sup>2</sup> dan penduduk daerah ini dianggarkan sekitar 13,823 ribu orang pada tahun 2010. Penduduknya terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu Bugis, Bajau, Suluk dan lain-lain. Terdapat lima lokasi kajian di daerah Kunak, iaitu Kampung Getah, Kampung Jaya Baru, Kampung Telaga Tujuh, Kampung Kunak Jaya dan Ladang Giram. Manakala, Rajah 2 adalah peta lokasi kajian di daerah Lahad Datu. Keluasan daerah ini ialah 2,510 batu persegi atau 6,635.2 km<sup>2</sup> dan jumlah penduduknya pada tahun 2010 sekitar 27, 887 ribu orang. Lokasi kajian yang dipilih di Lahad Datu adalah Pangsapuri Mutiara Kasih. Justifikasi pemilihan kedua-dua lokasi ini adalah kedudukannya yang terletak dalam zon merah bagi statistik bilangan kes positif di Sabah. Selain itu, lokasi yang dipilih adalah petempatan di dua daerah yang berdekatan. Lokasi ini adalah antara tempat yang menerima agihan bantuan daripada pelbagai pihak seperti kerajaan negeri, orang persendirian dan NGO.

**Rajah 1: Peta Lokasi Kajian Di Daerah Kunak**

Sumber : Olahan Pengkaji (2020).

**Rajah 2: Peta Lokasi Kajian Di Daerah Lahad Datu**

Sumber: Olahan Pengkaji (2020).

## Hasil Kajian dan Perbincangan

### **Profil Demografik Responden**

Jadual 1 menunjukkan profil demografik responden yang terlibat dalam kajian ini. Dari aspek jantina, responden yang paling ramai ditemui bual adalah perempuan iaitu sebanyak 65.7% (68 orang). Status perkahwinan responden berstatus berkahwin adalah lebih ramai berbanding bujang serta duda, janda atau balu iaitu sebanyak 60.00 % (63 orang). Dari segi umur, majoriti responden berumur dalam lingkungan 21 hingga 30 tahun iaitu seramai 24 orang (22.9%). Majoriti responden adalah berbangsa Bajau iaitu seramai 47 orang (44.8%). Seterusnya, responden yang berpendidikan peringkat menengah atas (SPM) mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 25.7% (27 orang). Akhir sekali, kebanyakan responden yang dikaji adalah bekerja sebagai suri rumah iaitu seramai 32 orang (30.5%).

**Jadual 1: Profil Demografik Responden**

Ciri Profil	Kriteria	Bilangan	Peratus
Jantina	Perempuan	69	65.7
	Lelaki	36	34.3
Status	Bujang	28	26.7
	Berkahwin	63	60.00
Umur	Duda/Janda/Balu	14	13.3
	20 tahun dan ke bawah	12	11.4
	21 - 30 tahun	24	22.9
	31 - 40 tahun	25	23.8
	41 - 50 tahun	22	21.0
	50 tahun dan ke atas	22	21.0
Bangsa	Melayu	1	1.0
	Cina	1	1.0
	Bajau	47	44.8
	Bugis	44	41.9
	Suluk	7	6.7
	Dusun	1	1.0
	Lain-lain	4	3.8
Pendidikan	Tiada pendidikan formal	26	24.8
	Peringkat rendah (Darjah6/UPSR)	14	13.3
	Peringkat menengah rendah (SRP/PMR)	11	10.5
	Peringkat menengah atas (SPM)	27	25.7
	Peringkat Pra-U (STPM/Diploma)	16	15.2
Pekerjaan	Peringkat tinggi (Ijazah/Sarjana/PhD.)	11	10.5
	Sektor awam	6	5.7
	Sektor swasta	16	15.2
	Bekerja sendiri	17	16.2
	Peniaga/Usahawan	9	8.6
	Pesara	6	5.7
	Suri rumah	32	30.5
	Pelajar	14	13.3
	Lain-lain	5	4.8

**Prosedur Pengurusan Agihan Bantuan**

Jadual 2 menunjukkan tiga jenis prosedur pengurusan agihan bantuan yang digunakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di kampung terpilih di Kunak dan Lahad Datu. Hasil kajian menunjukkan pengurusan bantuan yang tertinggi diterima melalui prosedur penghantaran dari rumah ke rumah iaitu seramai 100 orang atau (75.2%) responden yang menyatakan sedmikian. Foto 1 menunjukkan kaedah penghantaran bantuan makanan asas ke rumah penerima menggunakan kereta. Seterusnya, terdapat 24 orang responden atau 18.0% yang menerima bantuan kewangan melalui akaun bank dan selebihnya seramai 9 orang(6.8%) menerima bantuan di pusat bantuan yang telah ditetapkan. Foto 2 menunjukkan beberapa orang penerima yang mendapatkan makanan asas dari pusat bantuan yang berhampiran.

**Jadual 2: Prosedur Pengurusan Agihan Bantuan**

Prosedur Pengurusan Agihan Bantuan	Bilangan	Peratus
Pengurusan melalui penghantaran dari rumah ke rumah	100	75.2
Pengurusan melalui akaun bank (berkaitan kewangan)	24	18.0
Pengurusan melalui penerimaan di pusat bantuan terdekat	9	6.8

**Foto 1: Penghantaran Bantuan dari Rumah ke Rumah**

Sumber: Kajian Lapangan (2020).



**Foto 2: Penerimaan Bantuan Makanan Asas di Pusat Bantuan Dewan Kampung Jaya Baru**

Sumber: Kajian Lapangan (2020).

Hasil penyelidikan menunjukkan majoriti penduduk yang dikaji menerima bantuan melalui penghantaran dari rumah ke rumah. Dapatan ini selari dengan laporan oleh Nurul Hidayah (2020) serta Mohd Iskandar dan Mohd Nasaruddin (2020) yang menjelaskan pengurusan agihan bantuan melalui penghantaran dari rumah ke rumah merupakan satu cara untuk tidak menggalakkan komuniti setempat berkumpul di sesuatu kawasan dan dapat memudahkan lagi urusan komuniti yang tidak dapat keluar daripada rumah kerana terikat dengan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

#### **Faktor Kelayakan Penerima Bantuan**

Jadual 3 menunjukkan faktor kelayakan penerima bantuan yang terdiri daripada lima kategori, antaranya faktor pendapatan bulanan yang rendah, tanggungan keluarga dan status penerima. Terdapat dua kumpulan penerima yang tertinggi, iaitu mereka yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM1,000 seramai 46 orang (33.3%) dan responden yang mempunyai tanggungan keluarga melebih empat orang seramai 42 orang (30.4%). Seterusnya, seramai 18 orang responden (13.0%) yang layak menerima bantuan disebabkan berstatus ibu atau ayah tunggal dan empat orang responden layak menerima kerana berstatus warga tua. Namun begitu, terdapat 28 orang responden (20.3%) yang turut menerima bantuan atas pelbagai faktor yang lain.

**Jadual 3: Faktor Kelayakan Penerima Bantuan**

Faktor Kelayakan Penerima Bantuan	Bilangan	Peratus
Pendapatan bulanan kurang daripada RM1,000	46	33.3
Tanggungan keluarga melebihi 4 orang	42	30.4
Status ibu tunggal / ayah tunggal	18	13.0
Status golongan warga tua	4	2.9
Lain-lain	28	20.3

Hasil kajian ini mendapati majoriti responden layak menerima bantuan atas faktor tahap pendapatan dan tanggungan keluarga. Siti Masayu Rosliah (2008) menjelaskan bahawa penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar merupakan kelompok masyarakat yang hidup serba kekurangan, baik dari segi pekerjaan maupun pendapatan. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melibatkan tempoh yang agak panjang menyebabkan ramai penduduk khususnya golongan B40 terjejas akibat daripada penutupan sektor ekonomi. Lantaran itu, pihak kerajaan disarankan untuk segera melaksanakan Bantuan Prihatin Nasional kepada rakyat terutamanya penduduk yang terjejas (Asyraf Wajdi, 2020).

#### **Tahap Keberkesanan Pengurusan Agihan Bantuan**

Jadual 4 menunjukkan tahap keberkesanan pengurusan agihan bantuan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada komuniti tempatan di kampung terpilih di Kunakdan Lahad Datu. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 70 orang responden (66.7%) menyatakan bahawa prosedur pengurusan agihan bantuan adalah ‘berkesan’, 27.6% berpendapat ‘sangat berkesan’ dan selebihnya menyatakan ‘kurang berkesan’, iaitu 5.7%.

**Jadual 4: Tahap Keberkesanan Pengurusan Agihan Bantuan**

Tahap Keberkesanan	Bilangan	Peratus
Kurang berkesan	6	5.7
Berkesan	70	66.7
Sangat Berkesan	29	27.6

Hasil kajian Dara Aisyah dan Nor Hayati (2014), Dara Aisyah et al. (2011) serta Samir dan Sara Shakilla (2012) menegaskan keberkesanan bantuan daripada pihak kerajaan telah mengubah sosioekonomi komuniti tempatan di kawasan kajian mereka. Noor Ayuni (2020) melaporkan sejak hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif melalui Pelan Rangsangan Ekonomi bagi membantu golongan yang terjejas sepanjang tempoh tersebut dan telah memberi bantuan keperluan asas kepada yang memerlukan terutama golongan B40.

#### **Tahap Kepuasan Terhadap Keberkesanan Pengurusan Agihan Bantuan**

Jadual 5 menunjukkan lapan pernyataan tentang tahap kepuasan terhadap keberkesanan pengurusan agihan bantuan kepada penduduk yang diteliti berdasarkan skala likert 5 mata, iaitu skala 1 yang bermaksud ‘tidak setuju’ sehingga skala 5 iaitu ‘sangat setuju’. Untuk pernyataan ‘saya berpuas hati dengan bantuan berbentuk kewangan yang diterima’ menunjukkan terdapat dua kumpulan jawapan yang tertinggi, iaitu ‘tidak setuju’ dan ‘setuju’ yang masing-masing sebanyak 30.5%. Ini bermakna terdapat perbezaan ketara dari aspek kepuasan untuk bantuan berbentuk wang ringgit di lokasi kajian. Untuk pernyataan bantuan berbentuk kewangan didapati responden bersetuju sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Saripah (2018) yang menunjukkan responden berpuas hati dengan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) sebagai salah satu insentif ekonomi kepada golongan berpendapatan rendah. Menurut laporan Berita Harian (2020), penduduk yang terjejas akibat pandemik COVID-19 layak menerima bantuan kerajaan dalam bentuk kewangan seperti PENJANA dan PRIHATIN (Bantuan Prihatin Nasional 2.0) serta bantuan sara hidup (BPR) tanpa mengira status ekonomi semasa. Namun, kemungkinan ada penduduk yang ada masalah dengan dokumen kerakyatan dan tidak mengisi borang secara talian yang diminta.

**Jadual 5: Keberkesanan Pengurusan Agihan Bantuan Kepada Penduduk**

<b>Pernyataan</b>	<b>Skala</b>				
	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
Saya berpuas hati dengan bantuan berbentuk kewangan yang diterima	32 30.5%	13 12.4%	13 12.4%	32 30.5%	15 14.3%
Saya berpuas hati dengan bantuan berbentuk makanan asas dan lain-lain keperluan yang diterima	-	3 2.9%	11 10.5%	50 47.6%	41 39.0%
Saya berpuas hati kerana mereka yang betul-betul layak yang menerima bantuan	1 1.0%	9 8.6%	18 17.1%	59 56.2%	18 17.1%
Saya berpuas hati dengan sistem pengurusan agihan bantuan kepada penduduk	1 1.0%	3 2.9%	15 14.3%	60 57.1%	26 24.8%
Saya berpuas hati dengan jumlah kekerapan pengagihan bantuan kepada penduduk	4 3.8%	11 10.5%	21 20.0%	49 46.7%	20 19.0%
Saya berpuas hati dengan amalan SOP sepanjang pengagihan bantuan kepada penduduk	-	1 1.0%	22 21.0%	52 49.5%	30 28.6%

Seterusnya, pernyataan ‘Saya berpuas hati dengan bantuan berbentuk makanan asas dan lain-lain keperluan’ menunjukkan majoriti responden ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ iaitu 47.6% dan 39.0%. Menurut John dan Louis (1989), makanan adalah keperluan asas yang diperlukan oleh manusia untuk meneruskan kehidupan, membesar dan mendapat tenaga bagi melakukan aktiviti harian. Di Malaysia, program bantuan makanan diagihkan melalui saluran formal dan tidak formal yang dikendalikan oleh pihak kerajaan, NGO ataupun secara individu (Norzuraida, 2012). Athirah Huda (2020) melaporkan hampir 60 keluarga terjejas di daerah Sepang menerima bantuan asas serta sedikit bantuan kewangan. Pemberian bantuan ini menunjukkan bahawa mereka sangat memerlukan bekalan bahan makanan disebabkan kehilangan punca pendapatan.

Namun begitu, bagi pernyataan ‘Saya berpuas hati kerana mereka yang betul-betul layak menerima bantuan’ menunjukkan yang ‘setuju’ adalah tinggi iaitu 56.2% tetapi mereka yang menyatakan ‘sederhana’ dan ‘sangat setuju’ pula mencatatkan peratusan yang sama, iaitu masing-masing sebanyak 17.1%). Menurut Rozita (2020), kesan pandemik COVID-19 bukan sahaja terhadap ekonomi negara malah ia turut memberi impak terhadap aspek sosial penduduk seperti mengalami perubahan gaya hidup harian berbanding sebelumnya, kehilangan pekerjaan yang boleh menjelaskan pendapatan dan perbelanjaan, pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan, aktiviti keagamaan dan hubungan sosial. Untuk itu, semuanya harus diberi bantuan tanpa perlu melihat kelayakan mereka. Nur Ain (2020) melaporkan bahawa setiap isi rumah yang terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan layak menerima sebarang bantuan seperti makanan.

Manakala untuk pernyataan ‘Saya berpuas hati dengan sistem pengurusan agihan bantuan kepada penduduk’ didapati mencatatkan secara kumulatif lebih 80% yang menyatakan ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ iaitu seramai 86 orang (81.9%). Ini menunjukkan pemberian bantuan seperti penghantaran terus ke rumah adalah cara yang berkesan dan selamat. Hal ini

sejajar dengan laporan oleh Nurul Hidayah (2020) yang menyatakan penghantaran bantuan ke rumah bukan sahaja dilihat berkesan malah ia dapat mengelakkan penduduk terdedah dengan jangkitan virus COVID-19. Selain itu, kerajaan menghargai penglibatan dan keprihatinan badan bukan kerajaan (NGO) dalam membantu pihak yang terkesan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan menghantar makanan atau keperluan asas ke rumah-rumah (Mohd Hafiz, 2020).

Untuk pernyataan ‘Saya berpuas hati dengan jumlah kekerapan pengagihan bantuan kepada penduduk’ menunjukkan sebanyak 46.7% yang menyatakan ‘setuju’ diikuti dengan ‘sederhana’ sebanyak 20.0%. Menerusi temu bual secara tidak langsung, terdapat responden yang berpuas hati dengan kekerapan pengagihan bantuan yang mereka terima kerana menerima bantuan sebanyak dua kali dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Suzalina (2020) melaporkan bahawa kesan COVID-19 terhadap ekonomi dan individu menunjukkan mereka kehilangan pekerjaan dan memerlukan bantuan daripada mana-mana pihak yang membawa kepada kekerapan pemberian bantuan kepada penduduk.

Pernyataan terakhir adalah ‘saya berpuas hati dengan amalan SOP sepanjang pengagihan bantuan kepada penduduk’ pula mendapati majoriti responden adalah berpuashati dengan ‘setuju’ sebanyak 49.5% dan ‘sangat setuju’ sebanyak 28.6%. Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman pengkaji yang menetap di kawasan kajian, pengagihan bantuan kepada penduduk dilihat mematuhi saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha untuk mencegah penularan COVID-19 dalam masyarakat iaitu sentiasa memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal satu meter.

## Kesimpulan

Sepanjang hampir setahun pelaksanaan PKP dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 di Malaysia, isu tentang beban penduduk tempatan terutamanya kelangsungan hidup kesan aktiviti ekonomi yang tidak menentu dan perlahan mendapat liputan meluas di media sosial dan diskusi pakar ekonomi mahupun ahli akademik. Untuk persoalan tentang adakah prosedur dalam agihan bantuan kepada komuniti tempatan dalam tempoh PKP semasa penularan pandemik COVID-19 ini betul-betul berkesan? Hasil kajian di kampung terpilih di daerah Kunak dan Semporna ini mengesahkan bahawa secara keseluruhan pengurusan agihan bantuan adalah berkesan. Malah, responden yang dikaji turut berpuas hati terhadap beberapa aspek seperti bantuan berbentuk makanan asas dan lain-lain keperluan yang diterima, sistem pengurusan agihan bantuan kepada penduduk dan amalan SOP sepanjang pengagihan bantuan kepada penduduk. Sebagai rumusannya, hasil kajian ini adalah penting sebagai dokumentasi dan rujukan literatur untuk pengurusan risiko tentang pandemik dan komuniti tempatan oleh pelbagai pihak pada masa ini dan masa hadapan.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana Khas [SDK0139-2020] yang bertajuk “Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kesan Penularan Pandemik Covid-19 terhadap Kesejahteraan Komuniti Pulau di Negeri Sabah”.

## Rujukan

- Ahmad Nazrul Alif Yahya. (2019). Mekanisme pelaksanaan bantuan rakyat ke arah mencapai pembangunan lestari. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 237-246.
- Astro Awani. (2020). Ini perkara yang anda perlu tahu tentang Bantuan Prihatin Nasional (BPN). Mac 29. Dipetik dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ini-perkara-yang-anda-perlu-tahu-tentang-bantuan-prihatin-nasional-bpn-235824>. Diakses pada 19 Januari 2021.
- Asyraf Wajdi Dusuki. (2020). Bantuan tunai untuk rakyat. Dipetik daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/75418/KOLUMNIS/Bantuan-tunai-untuk-rakyat>. Diakses pada 20 Januari 2021.
- Athirah Huda Zalhe. (2020). Terjejas COVID-19, ANGKASA salur bantuan makanan asas. Dipetik dari <https://ismaweb.net/2020/11/14/terjejas-covid-19-angkasa-salur-bantuan-makanan-asas/>. Diakses pada 20 Januari 2021.
- Berita Harian. (2020). Saiz belanjawan lebih besar selamatkan rakyat, ekonomi. Dipetik dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/749829/saiz-belanjawan-lebih-besar-selamatkan-rakyat-ekonomi>. Diakses pada 20 Januari 2021.
- Dara Aisyah Ali Puteh, Katiman Rostam & Abdul Hair Awang. (2011). Keberkesanan program PEMPA dalam meningkatkan pendapatan isi rumah pesisir pantai Indonesia: Kes Kecamatan Cilincing, Jakarta Utara. *e-Bangi - Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 359-374.
- Dara Aisyah Ali Puteh & Nor Hayati Sa'at. (2014). Keberkesanan bantuan kerajaan untuk memajukan taraf sosioekonomi komuniti nelayan: Kajian kes nelayan muara pantai Timur. *Proceeding Malaysian Social Conference*, 18-20 August. Universiti Malaysia Terengganu.
- Dito Aditia Darma Nasution, Erlina & Iskandar Muda. (2020). Dampak pandemi COVID-19 terhadap perekonomian Indonesia. *Jurnal Benefita*, 5(2), 212-224.
- Jabil Mapjabil, Nor-Ina Kanyo, Rosazman Hussin, Badariah Ab Rahman, Abentin Estim, Datu Razali Datu Eranza, Abdul Hamid Abdul Rahim & Mohd Halipah Jetendra. (2020). Implikasi perintah kawalan pergerakan kesan penularan pandemik COVID-19 terhadap kesejahteraan komuniti pulau: Suatu tinjauan literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 5 (32), 108-120.
- John T. R. Nickerson & Louis J. Ronsivalli (1989). *Elementary Food Science*. Westport, Connecticut: AVI Publishing Co.
- Kasim Mansur. (2020). COVID-19 Impak kepada ekonomi dan peranan institusi waqaf (*endowment*) mendepani kegawatan sosio-ekonomi ummah. Dipetik daripada [https://www.researchgate.net/publication/340778409\\_COVID-19](https://www.researchgate.net/publication/340778409_COVID-19). Diakses pada 19 Januari 2021.
- Marianus Mantovanny Tapung, Max Regus & Marsel Ruben Payong. (2020). Bantuan sosial dan pendidikan kesehatan bagi masyarakat pesisir yang terdampak sosial ekonomi selama patogenesis COVID-19 di Manggarai. *Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 16(1), 12-26.
- Md Nor Hj. Ab. Ghani. (2010). Kamus Dewan Edisi Keempat. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Mohd Faisol Ibrahim. (2020). Pandemik COVID-19 dan implikasi terhadap institusi zakat di Malaysia sebagai institusi kewangan sosial Islam. Konferen Seminar Kewangan Islam 2020, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Hafiz Ismail. (2020). NGO perlu hantar bantuan ke Pusat Pengumpulan JKM Daerah: Ismail Sabri. Dipetik daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/76103/>

KHAS/COVID-19/NGO-perlu-hantar-bantuan-ke-pusat-pengumpulan-JKM-daerah-Ismail-S-abri. Diakses pada 23 Januari 2020.

- Mohd Iskandar Ibrahim & Mohd Nasaruddin Parzi. (2020). Hantar barang keperluan, makanan di pusat pengumpulan JKM. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/beritanasional/2020/03/670341/hantar-barang-keperluan-makanan-di-pusat-pengumpulan-jkm>. Diakses pada 23 Januari 2021.
- Muhamad Firdaus Ab Rahman, Abdullah Thaidi, H. A., Ab Rahman, A. & Ab Rahim, S. F. (2020). Peranan wakaf dalam mendepani pandemik COVID-19. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22(1), 49-64.
- Noor Ayuni Che Zakaria. (2020). COVID-19: NGO, individu bantu ringankan beban. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/670491/covid-19-ong-individu-bantu-ringankan-beban>. Diakses pada 20 Januari 2021.
- Noorazura Abdul Rahman. (2020). Bantuan menyeluruh untuk penduduk terjejas COVID-19. Berita Harian. 20 Oktober 2020.
- Norzuraida Hasan. (2012). Potensi pelaksanaan bank makanan sebagai satubentuk jaminan sekuriti makanan bagi golongan miskin. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
- Nur Ain Otsman. (2020). Setiap isi rumah layak terima bantuan Makanan. Dipetik daripada <https://www.utusansarawak.com.my/?p=1607>. Diakses pada 23 Januari 2021.
- Nurul Hidayah Hamid. (2020). Tak perlu keluar, sumbangan dihantar terus ke rumah. Dipetik daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/76536/EDISI/Utara/Tak-perlu-keluar-sumbangan-dihantar-terus-ke-rumah>. Diakses pada 20 Januari 2021.
- Rozita Talha. (2020). Kajian kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan kepada penduduk Malaysia. Dipetik daripada [https://dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/2020/DOSM\\_BPPD\\_1-2020\\_Siri-17.pdf](https://dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/2020/DOSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf). Diakses pada 20 Januari 2021.
- Samir Muazzab Amin & Sara Shakilla Mohd Salim. (2012). Pembasmian kemiskinan di Malaysia: Keperluan kemahiran pekerja komuniti. *Adakemika*, 82(1), 81-89.
- Saripah Osman. (2018). Impak Insentif Ekonomi Terhadap Golongan Berpendapatan Rendah Program Perumahan Rakyat, Kuala Lumpur.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid. (2008). Peluang dan cabaran pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar: Satu kajian kes isi rumah melayu miskin di Jajahan Bachok, Kelantan. Tesis Sarjana Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan: Universiti Sains Malaysia.
- Sri Maryanti, I Gusti Ayu Oka Netrawati & I Wayan Nuada. (2020). Pandemi COVID-19 dan implikasinya pada perekonomian NTB. *Open Jurnal Systems*, Vol.14(11).
- Suzalina Halid. (2020). COVID-19: Kira-kira 78,372 responden hilang pekerjaan. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674919/covid-19-kira-kira-78372-responden-hilang-pekerjaan>. Diakses pada 30 Januari 2021.
- Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee et al. (2020). Kefahaman dan tingkah laku masyarakat terhadap amalan filantropi Islam semasa pandemik COVID-19. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(12), 1-15.